

Pamer kelainan dalam rekaan

◉ Dari muka 6

"Jika orang lain menggunakan aising fondan (aising berwarna putih daripada air, gula dan glukos) untuk hiasan kek, saya menggunakannya untuk membentuk sirih junjung. Ini kerana acuan untuk membentuk urat daun sirih juga ada dijual," katanya.

Segala-galanya bermula apabila Nasir mengikuti kelas menghiasi kek fondan bersama teman sekadar ingin mencuba.

"Berikutan terlalu ramai yang memilih pengusaha kek, saya terfikir untuk mengaplikasikan pembelajaran dari kelas jangka pendek untuk menerokai bidang baharu.

"Jadi saya harus mencari arah perniagaan yang baharu dan minat menggubah hantaran ini diserapkan menerusi penggunaan fondan, tepung dan tanah liat untuk membentuk sirih junjung seperti yang dilakukan ini," katanya.

Selain itu, beliau juga merujuk internet dan majalah bagi mencari ilham, namun perlu lebih kreatif berikutan banyak perusahaan menceburi bidang kraf tangan ini.

"Kini sirih junjung bukan saja dilihat sebagai hantaran, tapi kini bentuknya semakin moden dan menepati kehendak semasa dan cita rasa pelanggan.

"Saya sendiri akan melengkapkan sirih junjung yang saya gubah dengan wang kertas RM1 yang dibentuk menjadi rama-rama sebagai identiti gubahan," katanya.

Cita rasa pelanggan

Setiap gubahan difokuskan ketika cuti hujung minggu, kerana hari biasa Nasir terikat dengan tugas pejabat. Bagi satu set sirih junjung, beliau memerlukan masa seminggu berikutan perlu melakukan langkah demi langkah.

Sirih junjung adalah kraftangan kreatif yang perlu dilakukan dengan penuh teliti dan setiap tepung atau tanah liat itu perlu diuli dengan air sebelum daun dan kuntuman bunga dibentuk.

"Kebanyakan pelanggan adalah rakan saya sendiri dan mereka pula memperkenalkan kepada rakan yang lain. Saya menetapkan tempahan perlu dibuat lebih awal supaya mudah untuk saya fahami konsep dan temanya.

"Setiap tempahan saya memerlukan masa lebih kurang seminggu atau lebih kerana setiap proses itu perlu dilakukan langkah demi langkah. Cabaran utamanya adalah bagaimana untuk menampakkan ia segar dan tampak hidup," katanya.

Setakat ini, Nasir mempunyai lapan set sirih junjung dan ia disewakan pada kadar RM120 setiap satu.

"Sebelum ini, saya langsung tidak pernah terfikir untuk melakukan seni halus yang lebih sinonim dengan wanita kerana saya sendiri bekerja, namun apabila melihat hasilnya yang menakutkan dan menjana pendapatan, saya makin bersemangat.

"Sebagai orang yang bekerja, saya lebih banyak membantu menggubah sirih junjung dan hiasan bunga serta hasilnya dimuat naik ke dalam laman sosial," katanya.

"Walaupun hiasan sirih junjung ini mudah, saya memerlukan sekitar RM300 hingga RM400 bagi membeli bahan dan perlu menumpukan sepenuh perhatian.

"Saya jual atau menyewakan set sirih junjung dan Alhamdulillah sambutannya sangat menggalakkan, malah produk saya semakin dikenali kerana promosi mulut ke mulut," katanya.



“Idea ini praktikal kerana sirih junjung tidak akan layu, rosak walaupun dibawa ke lokasi jauh”

Nasir Maliq, Penggubah



Cabaran utama menyiapkan gubahan sirih junjung tanah liat ialah untuk menampakkan kesegarannya.



Koleksi alam semula jadi

Jordone Corporation yang juga salah satu syarikat fesyen terkemuka tempatan melancarkan koleksi Jeep Spirit bagi memenuhi gaya hidup penggemar alam semula jadi.

PROFIL

Koleksi Jeep Spirit

◉ Harga daripada RM39 to RM399
◉ Carefree Tripper mengentengahkan persalinan lengkap termasuk seluar, kemeja dan gaun.

Meneroka kejayaan bumi sekali gus memberikan gaya dan keselesaan buat individu sukakan aktiviti luar, koleksi Jeep Spirit tampil dengan prinsip rekaan tersendiri bagi memenuhi keperluan jiwa tidak kira sama ada lelaki, wanita atau kanak-kanak.

Kebebasan gaya

Pengarah Eksekutif Jordone Corporation, J K Chua, berkata koleksi terbaharu itu menitik-beratkan kesempurnaan aspek kebebasan gaya untuk setiap kategori usia.

Katanya, didatangkan dalam tema terpilih iaitu Carefree Tripper, koleksi baharu ini dipercayai mampu memberi galakan dan keselesaan kepada

gaya pencinta alam biar di mana pun mereka berada untuk sesi pererokan.

Jiwa kembara

"Kami sememangnya gembira dengan pelancaran koleksi ini di sini. Sejak tahun 1941 Jeep sudah menjadi simbol kebebasan dan keupayaan untuk individu berjaya kembara.

"Seiring dengan falsafah jenama ini, koleksi Jeep Spirit tampil sebagai sumber inspirasi kepada pelanggan kami, di samping mempersembahkan produk yang berkualiti tinggi," katanya.

Menggunakan gandingan rekaan kemas dan selesa dengan jalinan rona semula jadi, koleksi ini bukan saja melengkap gaya tetapi turut menghidupkan jiwa bebas dalam kalangan peneroka.

Jeep Spirit juga boleh digandingkan dalam imej rutin harian casual kerana potongan gaya diberikan adalah anjal pada rekaan jeans, kemeja, baju-T dan gaun di samping sentuhan vintaj sebagai penambah cita rasa.



Koleksi boleh digandingkan dalam imej rutin harian.

